

KEDIDI Kerdil
Little Stint

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Calidris minuta*

CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa hampir menyerupai Kedidi Luris Leher, *C.ruficollis*, tetapi saiznya lebih kecil manakala bahagian kaki adalah lebih panjang dan kecil. Bahagian paruh terturun ke bawah, bahagian tengah ke bahagian atas badan berwarna hitam. Bahagian kepala dan dada berwarna kelabu dan selalunya berjalur. Kadangkala kelihatan jalur merentasi bahagian dada yang pudar. Bahagian kaki berwarna hitam. Semasa musim membiak, bahagian dagu dan rengkong berwarna putih manakala bahagian dada berwarna merah keperangan (selalunya kelihatan jalur-jalur atau bintik-bintik berwarna gelap). Bahagian bawah sisi dada berwarna kemerahan manakala bahagian atas pangkal sayap dan bahagian tertier berwarna kehitaman kuning pucat yang jelas pada pinggir bulu. Pada bahagian mahkota kepala dan bahagian atas belakang badan, terdapat jalur berwarna kuning pucat pudar.

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 14 hingga 15.5 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Kolam air masin, kolam udang, beting lumpur serta kawasan sungai yang besar.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *kip* atau *tit* yang tajam dan berhenti-henti dan kadangkala mengeluarkan bunyi pendek yang seakan-akan menjerit.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Jun-Julai di mana sarang dibina di atas permukaan tanah dan kadangkala di sebalik daun-daun atau rumput kering. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 4 biji.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.